

11 JUL 2002

LID-TEMA/I

TEMA GLOBAL 2002 LID DIILHAM DARIPADA PERISTIWA 11 SEPT

PUTRAJAYA, 11 Julai (Bernama) -- Global 2002--Dialog Antarabangsa Langkawi bertemakan "Ke Arah Dunia Lebih Pintar : Mengukuhkan Keselamatan dan Kemakmuran bagi Pembangunan Menerusi Perkongsian Pintar".

Penasihat kepada lembaga Kumpulan Industri-Kerajaan Malaysia bagi Teknologi Tinggi (MIGHT), Tan Sri Dr Omar Abdul Rahman, berkata tema itu dipilih berikutan pengajaran yang boleh diambil daripada serangan pengganas pada 11 Sept.

Dr Omar, yang juga pengerusi dialog bersama Global 2002, berkata insiden 11 Sept dan peristiwa yang menyusul ekoran kejadian itu mencerminkan kekurangan yang amat ketara dalam perkongsian pintar.

Merujuk kepada peperangan menentang keganasan dalam tempoh selepas serangan 11 Sept, beliau berkata hasilnya tidak semestinya untuk kepentingan terbaik bagi semua pihak kerana prinsip perkongsian pintar diketepikan.

Dalam taklimat mengenai perkongsian pintar di perbincangan pra-dialog bagi Global 2002 LID di sini hari ini, Dr Omar berkata perjumpaan tahun ini bermula pada 1 hingga 4 Ogos dengan tempat persidangan utama di Pelangi Beach Resort Langkawi.

Global 2002 juga merangkumi Dialog Antarabangsa Afrika Selatan (SAID) dan Dialog Antarabangsa Afrika Timur (EAID).

Lebih 400 ketua-ketua negara atau kerajaan, menteri, tokoh perniagaan utama, pegawai kanan kerajaan, wakil buruh dan media dari negara-negara Komanwel di jangka menghadiri LID tahun ini, kata Dr Omar.

Beliau berkata peserta-peserta akan membincangkan beberapa topik termasuk membentuk sistem keselamatan antarabangsa dalam dunia unipolar, memahami budaya bagi komunikasi yang lebih baik dan mengurangkan ketidaktentuan dalam sistem kewangan antarabangsa.

Beliau berkata penaung dan penasihat LID 2002 Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mempelawa 27 ketua-ketua kerajaan dari Afrika dan luar Afrika untuk menghadiri dialog ini.

"Perdana Menteri juga mempelawa wakil dari beberapa negara baru seperti Mongolia, Jordan dan Bahrain," katanya.

Setakat ini lapan negara telah mengesahkan kehadiran mereka dan lebih ramai lagi dijangka berbuat demikian dalam tempoh beberapa minggu akan datang, katanya.

Dr Omar mendedahkan bahawa LID 2002 akan menyaksikan peserta terlibat dalam dialog selama dua hari berbanding tiga hari pada masa-masa lalu kerana beberapa ketua negara telah mengadu bahawa mereka tidak boleh meninggalkan negara mereka terlalu lama.

Dialog tahun ini juga akan disertai buat pertama kalinya kumpulan profesional dan usahawan muda di bawah kumpulan yang digelar Club 29, katanya.

"Kami sentiasa mahu mereka terlibat bukan sahaja bagi mendedahkan mereka kepada arena antarabangsa tetapi juga untuk mengukuhkan keyakinan mereka terhadap prinsip perkongsian pintar," jelas Dr Omar.

Kira-kira 60 anggota Club 29 dari Malaysia dijangka menyertai LID 2002 manakala negara-negara asing yang telah dipelawa juga memberi jaminan bahawa mereka akan membawa kumpulan profesional dan usahawan muda mereka, katanya.

--BERNAMA

MAD SHY ZK

